

Kelemahan urus sistem saluran antara punca banjir

PULAU PINANG 19 Julai - Kelemahan kerajaan DAP Pulau Pinang menguruskan sistem saluran dan pembentungan di Teluk Bahang dikenal pasti antara punca banjir yang berlaku di kawasan berkenaan semalam sehingga menjejaskan lebih 2,000 penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah berkata, sejak 2013, pihaknya telah memohon kepada kerajaan negeri untuk membesarkan sistem perparitan di Sungai Kelian, Teluk Awak, di sini yang sempit dan tidak dapat menampung aliran air yang banyak ketika hujan lebat.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini tiada maklum balas diterima terhadap cadangan projek berkenaan yang kosnya dianggarkan RM15 juta.

“Setiap tahun, kerajaan negeri memaklumkan terdapat banyak duit hasil belanjawan surplus tetapi dalam soal membantu memperbesarkan saluran sungai di sini supaya aliran air ke laut menjadi lancar, mereka tidak memberikan maklum balas dan ini bukan contoh kera-

jaan yang cekap dalam mentadbir,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan banjir di Balai Rakyat, Teluk Bahang di sini yang menempatkan 11 mangsa membabitkan sembilan keluarga.

Dalam kejadian banjir kilat yang disifatkan sebagai terburuk dalam tempoh empat tahun di sini petang semalam, beberapa kampung dan flat di Teluk Bahang ditenggelami air sedalam 0.6 meter selama lebih lima jam selain operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terjejas.

Kejadian banjir turut menjejaskan penduduk di beberapa perkampungan di Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul dekat Bayan Lepas.

Mengulas lanjut, Shah Headan Ayoob berkata, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) perlu memainkan peranan aktif kerana ketika ini syarikat berkenaan yang dimiliki kerajaan negeri dilihat tidak proaktif dalam menyalurkan air Sungai Kelian ke Empangan Teluk Bahang.



SHAH HEADAN AYOOB HUSSAIN SHAH meninjau paras air banjir di sebatang sungai di Teluk Bahang, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM